

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 4 OKTOBER 2022  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 29

### Ekonomi Malaysia tidak dalam krisis

# Ekonomi Malaysia tidak dalam krisis

Asas ekonomi dan sistem kewangan yang kukuh bantu harungi cabaran global

KUALA LUMLUPUR

Ekonomi Malaysia tidak berada dalam krisis dan trajektori pertumbuhannya kekal positif, tetapi negara perlu melakukan pembaharuan untuk menjadi ekonomi ber-asaskan inovasi, kata Bank Negara Malaysia (BNM).

Gabenor Tan Sri Nor Shamsiah Mohd Yunus berkata, asas ekonomi dan sistem kewangan adalah kukuh dan langkah dasar awalan telah diambil

untuk membantu mengharungi pergeseran luaran yang mencabar.

"Ini adalah fakta penting tentang ekonomi dan sebagai rakyat Malaysia adalah penting untuk kita bertindak dengan cara yang sewajarnya dengan tidak menjajaskan pemulihan dan keyakinan pelabur, yang seterusnya boleh menyebabkan sesuatu yang tidak benar akhirnya diperlukan," katanya dalam ucapannya di Forum Khazanah Megatrends 2022 pada Isnin.

Dalam ucapannya bertajuk *Melayari Peralihan Ekonomi Melayari Peralihan Ekonomi Malaysia dalam Dunia Pasc Covid*, Nor Shamsiah berkata, pemulihan ekonomi negara sedang berjalan dengan baik dan



NOR SHAMSIAH


pertumbuhan tahun ini dijangka kukuh.

Katanya, inflasi dijangka memuncak pada suku ketiga tahun ini, sambil menyatakan bahawa ia sebahagian besarnya disebabkan bekalan tetapi juga disebabkan oleh permintaan yang lebih kukuh ekoran pembukaan semula

ekonomi.

"Tahap tekanan menaik terhadap inflasi akan kekal dan sebahagiannya dikawal oleh kawalan harga sedia ada dan kapasiti ganti semasa dalam ekonomi," tambahnya.

Beliau berkata, unjur tahun depan akan menjadi lebih mencabar berikutnya pertembungan faktor iaitu ketegangan dan kon-



flik geopolitik yang meningkat, tekanan inflasi global dan pasaran kewangan yang sangat tidak menentu.

"Semua ini akan membawa kepada pertumbuhan yang lebih perlahan tahun depan," katanya.

Membandingkan keadaan semasa dengan pandemik baru-

baru ini dan Krisis Kewangan Asia, Gabenor berkata, ekonomi Malaysia jelas berada pada landasan yang lebih kukuh hari ini berdasarkan momentum pertumbuhan yang kukuh, kadar pengangguran yang lebih rendah dan ekonomi yang lebih pelbagai. - Bernama